

Kesediaan PM jadi orang tengah tengah 'Ang Pau' — Ah Lek

UM - 1 FEB 2002

MUAR 31 Jan. — Timbalan Presiden MCA, Datuk Lim Ah Lek malam ini menyifatkan kesediaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menimbangkan untuk menjadi orang tengah bagi menyelesaikan krisis MCA sebuah 'Ang Pau' besar kepada masyarakat Cina di negara ini.

Beliau yang gembira dengan kesediaan Dr. Mahathir itu yakin Perdana Menteri mampu membantu untuk mencari penyelesaian muktamad krisis dalaman MCA yang meletus sejak tahun lalu.

"Saya mengalu-alukan kesediaan Perdana Menteri menjadi orang tengah untuk mencari penyelesaian masalah dalaman MCA. Saya amat gembira dan saya yakin semua ahli-ahli parti akan menyokong kenyataan ini.

"Kita mempunyai keyakinan terhadap Perdana Menteri untuk menyelesaikan masalah itu dan ia merupakan 'Ang Pau' paling besar yang diberikan kepada parti serta masyarakat Cina di negara ini," tegasnya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin akar umbi MCA bahagian Pagoh di Dewan SRJK Yu Jern dekat Bukit Pasir di sini malam ini.